

S E P 2 0 2 4 / B I L . 1 2 / 2 0 2 4

# EON

*Epitome of Nature*

SIFAR KEMISKINAN DAN KELAPARAN



MAJALAH PP BIOLOGI  
UITMCNS



# PUNCA DAN STRATEGI MENGATASI KEMISKINAN DAN KELAPARAN DALAM KALANGAN ASNAF

Mohd Al Faiz Jumin<sup>1</sup>, Sharir Aizat Kamruddin<sup>2</sup>, Balqis Saiful Bahri<sup>3</sup>,  
Siti Fatimah Hussin<sup>4</sup>, Eliy Nazira Mat Nazir<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis,

<sup>2</sup>Fakulti Sains Gunaan, UiTM Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis,

<sup>3</sup>Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Perlis, Kampus Arau, 02600 Arau, Perlis,

<sup>4</sup>Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

shariraizat@uitm.edu.my

## EDITOR: DR. MUHAMMAD AIDIL IBRAHIM

Kemiskinan dan kelaparan dalam kalangan asnaf adalah isu serius yang memerlukan perhatian mendalam daripada semua warga di Malaysia. Asnaf merujuk kepada golongan yang berhak menerima zakat, termasuk fakir miskin, anak yatim, dan orang kurang upaya. Dalam usaha mengatasi kemiskinan dan kelaparan, adalah penting untuk memahami punca, cabaran, dan penyelesaian yang berkesan untuk membantu golongan yang memerlukan ini. Golongan asnaf menghadapi pelbagai jenis cabaran dalam kehidupan seharian mereka. Kemiskinan dalam kalangan mereka boleh dilihat dalam pelbagai bentuk, di mana individu tersebut tidak mampu memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal hingga ke kemiskinan tersebut mencapai tahap di mana individu tidak dapat menikmati taraf hidup yang biasa berbanding majoriti

penduduk di Malaysia. Kelaparan terjadi kerana kemiskinan yang terjadi apabila keluarga atau individu tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membeli makanan yang cukup untuk menampung kehidupan harian. Memahami punca berlakunya hal ini dapat memudahkan pihak-pihak terbabit untuk merangka strategi mengatasi kemiskinan dan kelaparan dalam kalangan warga asnaf.

## Punca kemiskinan dan kelaparan dalam kalangan asnaf

### 1. Pengangguran dan Pekerjaan Tidak Stabil

Kekurangan peluang pekerjaan yang stabil dan berpendapatan mencukupi adalah salah satu punca utama kemiskinan dan kelaparan dalam kalangan asnaf. Banyak keluarga asnaf bergantung kepada pekerjaan tidak formal atau bergaji rendah

yang tidak dapat menjamin kestabilan kewangan dalam kehidupan mereka. Masalah pengangguran juga semakin meningkat kerana syarikat-syarikat semakin mementingkan graduan tinggi sahaja.

### 2. Kos Hidup yang Tinggi

Kos hidup yang tinggi, terutamanya di kawasan bandar, menyebabkan keluarga asnaf sukar untuk mencukupi keperluan asas mereka. Ini termasuk kos makanan, perumahan, pendidikan, dan penjagaan kesihatan. Hal ini menjadi masalah kerana peningkatan kos barang dan sewa rumah semakin meningkat manakala gaji yang didapati oleh individu tidak padan dengan kos sara hidup yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia sekarang.

### 3. Akses Terhad kepada Pendidikan

Pendidikan yang berkualiti adalah kunci untuk keluar dari kemiskinan. Walau bagaimanapun, akses terhad kepada pendidikan, terutamanya di kawasan pedalaman, menghalang kanak-kanak asnaf daripada mencapai potensi penuh mereka dan mendapatkan pekerjaan yang baik pada masa depan.

### 4. Kekurangan Infrastruktur

Di kawasan luar bandar, kekurangan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air bersih, dan kemudahan kesihatan juga menyumbang kepada kitaran kemiskinan dan kelaparan

dalam kalangan asnaf. Perkara ini merupakan salah satu sebab mengapa golongan asnaf sukar untuk mendapatkan kerja dan hidup dengan selesa. Contohnya, jalan raya yang tidak stabil menyukarkan pelajar untuk pergi ke sekolah dan individu yang bekerja sukar untuk menepati masa kerja.

Peranan zakat dalam mengurangkan kemiskinan dan kelaparan dalam kalangan asnaf Zakat, sebagai satu daripada lima Rukun Islam, memainkan peranan penting dalam mengurangkan kemiskinan dan kelaparan dalam kalangan asnaf di Malaysia. Institusi zakat yang diurus dengan baik mengumpulkan dan mengagihkan dana kepada golongan yang memerlukan. Dana zakat digunakan untuk menyediakan bantuan kewangan, makanan, dan keperluan asas lain kepada keluarga asnaf.

Program-program zakat juga merangkumi inisiatif jangka panjang seperti sokongan pendidikan, latihan vokasional, dan membantu individu dan keluarga asnaf keluar dari kemiskinan.

Dengan memastikan bantuan sampai kepada mereka yang memerlukan, zakat dapat memberikan impak yang signifikan dalam mengurangkan kelaparan dan meningkatkan taraf hidup golongan asnaf.



Gambar 1: Program Semarak Qurban UiTM Cawangan Perlis, 2024 (Sumber: Koleksi peribadi penulis)

Gambar 1 menunjukkan UiTM Cawangan Perlis.

membantu golongan yang memerlukan di Perlis dengan mengagihkan daging korban kepada 100 asnaf untuk menangani masalah kelaparan.

Program ini juga dianjurkan bagi memperkuatkkan semangat kebersamaan dan keprihatinan dalam komuniti sambil memenuhi tuntutan agama.

### Strategi untuk mengatasi kemiskinan dan kelaparan dalam kalangan asnaf

#### 1. Pengukuhan Program Bantuan Sosial

Program seperti Bantuan Sara Hidup (BSH) perlu diperluaskan dan diperkuuh untuk memastikan bantuan sampai kepada semua golongan asnaf. Ini termasuk bantuan kewangan, baucar makanan, dan perumahan.

#### 2. Meningkatkan Akses kepada Pendidikan dan Latihan

Memberikan akses yang lebih luas kepada pendidikan berkualiti dan latihan vokasional adalah penting untuk membantu individu asnaf mendapatkan pekerjaan yang baik untuk keluar dari kitaran kemiskinan.

#### 3. Memperbaiki Infrastruktur di Kawasan Luar Bandar

Pelaburan dalam infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air bersih, dan kemudahan kesihatan akan membantu meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandaran mengurangkan kemiskinan di kalangan asnaf.

#### 4. Penyediaan Peluang Pekerjaan yang Stabil

Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang stabil adalah penting untuk



Gambar 2: Program Rehlah Mahabbah Bersama Rumah Anak-Anak Arau, 2024  
(Sumber: Koleksi peribadi penulis)

mengurangkan kemiskinan dan kelaparan dalam kalangan asnaf. Inisiatif seperti sokongan kepada usahawan kecil boleh membantu dalam hal ini untuk diselesaikan.

## 5. Penglibatan Komuniti dan Sektor Swasta

Penglibatan aktif komuniti dan sektor swasta melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) boleh memberikan sokongan tambahan kepada golongan asnaf. Ini termasuk program pemberian makanan, biasiswa pendidikan, dan projek pembangunan komuniti. Projek ini memerlukan banyak sukarelawan dari masyarakat Malaysia untuk membantu projek ini berjalan dengan lancar. Sebagai contoh, UiTM Cawangan Perlis menganjurkan program Rehlah

Mahabbah bersama Persatuan Prihatin Komuniti Negeri Perlis (CommUnicare) dalam menjalankan program ini untuk anak-anak yatim dan kanak-kanak yang memerlukan.

## KESIMPULAN

Kemiskinan dan kelaparan dalam kalangan asnaf adalah cabaran besar yang memerlukan usaha bersepada dari semua pihak. Dengan menggabungkan dasar kerajaan, inisiatif zakat, dan sokongan komuniti, Malaysia dapat mengambil langkah-langkah berkesan untuk mengurangkan kemiskinan dan memastikan setiap individu mempunyai akses kepada kemudahan seperti makanan dan tempat tinggal. Melalui usaha bersama, kita boleh mencapai masyarakat yang

lebih adil dan sejahtera, di mana tiada siapa yang kelaparan atau hidup dalam kemiskinan. Ini sejajar dengan aspirasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menganjur Matlamat Pembangunan Mapan (Sustainable Development Goals, SDGs) untuk memerangi masalah isu kemiskinan (SDG:1) dan kelaparan (SDG:2).

Rujukan:

